



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS dan
Keusahawanan
Malaysia

DISINI BERMULA..

PLANET MASMED

NO. 01 · JUNE 2022 · UITMCNS

ENCULTURE

ENGAGE

CREATE

EXCELLENT
SYNERGY
INTEGRITY

eISSN 2805-5535



9 772805 553005



KEUSAHAWANAN

melalui

INOVASI

Penulis: Dr Raja Mayang Delima Mohd
Beta, Nabilah Abdul Shukur, Asiah Ali

Kehadiran Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) yang membawa bersama perkembangan teknologi pengkomputeran dan automasi baharu akan merancakkan lagi perubahan teknologi perkomputeran dan pengautomasian.

Ia juga berupaya meningkatkan kebergantungan manusia kepadanya. Justeru, tiada sesiapa pun boleh lari daripada menerima tekanan teknologi ini.

IR4.0 lebih memfokuskan integrasi yang lebih sistematik antara pihak pengeluar, pelanggan dan pembekal. Ia disokong gabungan teknologi yang lebih dinamik dalam menghasilkan produk bersifat unik dan sentiasa menepati kehendak pelanggan.

Justeru, prestasi sesebuah perniagaan perlu mengambil kira risiko persekitaran perniagaan di mana ia beroperasi.



USAHAWAN KREATIF PEMACU DUNIA INOVASI

"Usahawan yang kreatif dan berinovatif akan dapat menghasilkan produk yang kompetitif di dalam pasaran"

Persekitaran dinamik memerlukan kepantasan usahawan supaya berfikir dan bertindak secara kreatif terhadap peluang perniagaan.

Ini kerana, hasil daripada pengetahuan dan skil yang diperoleh daripada latihan dan pendidikan membolehkan usahawan meningkatkan daya kreativiti untuk melakukan inovasi. Ternyata usahawan akan mengalami kesukaran untuk bersaing jika sesuatu perniagaan itu hanya menjalankan inovasi terhad, walhal pesaing mengorak langkah dan memaksimumkan penggunaan teknologi terkini.

Pengetahuan berkaitan kreativiti dan inovasi harus didedahkan kepada para usahawan/masyarakat untuk mewujudkan negara dan masyarakat yang kreatif. Penekanan utama haruslah diberikan kepada pembangunan sains dan teknologi serta kemudahan prasarana yang membolehkan seseorang usahawan itu berkreativiti dan berinovasi. Usahawan yang menekankan aspek teknologi dlm produk yang dihasilkan juga dikenali sebagai usahawan tekno (technopreneur)

Kreativiti vs Usahawan

Kreativiti adalah penghasilan idea yang dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sesuatu sistem. Aspek utama kreativiti adalah proses dan manusia. Proses berorientasikan matlamat serta digunakan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah. Manusia pula adalah sumber yang boleh mengenal pasti jalan penyelesaian tersebut. Proses penyelesaian masalah biasanya sama, tetapi kaedahnya adalah pelbagai. Contohnya, manusia kadangkala mengadaptasikan bentuk penyelesaian masalah daripada pengalaman lampau, atau mencipta formula baharu.